Harian NASIONAL
Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

'Pindaan tak hapuskan apa-apa hak yang ada'

PARTI Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) berpendapat pindaan Perlembagaan tidak akan menghapuskan apa-apa hak yang sedia ada, bahkan ia akan memperkukuhkan sistem demokrasi berparlimen yang diamalkan di negara ini.

Presidennya, Datuk Amar Stephen Yong yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, berkata sistem demokrasi berparlimen telah membawa perpaduan, keharmonian dan kemakmuran kepada rakyat dan negara.

"Oleh yang demikian, kita hendaklah bersuara dengan lebih giat untuk memelihara serta mengukuhkan lagi sistem ini," tambahnya.

"Dalam sistem demokrasi berparlimen, institusi Parlimen adalah sebuah institusi yang tertinggi kerana ia adalah cita-cita rakyat.

"Sebuah parti politik atau parti-parti politik yang mempunyai majoriti akan menubuhkan kerajaan dan memilih seorang Perdana Menteri yang akan diberi mandat untuk melantik menteri-menteri bagi menguruskan hal-ehwal kerajaan.

"Dalam sistem demokrasi berparlimen itu, seorang Perdana Menteri bukan sahaja mewakili parti-parti politik yang memegang kuasa, tetapi rakyat pada keseluruhannya.

"Oleh yang demikian, adalah diterima oleh ramai bahawa ketua negara berperlembagaan hendaklah menjalankan tugas-tugas menurut nasihat yang diberikan oleh Perdana Menteri."

Datuk Amar Stephen Yong berpendapat, pindaan-pindaan kepada pindaan Perlembagaan ialah bukti yang jelas bahawa Kerajaan Barisan Nasional telah memberi perhatian berat kepada kepentingan semua pihak dalam negara ini.

DATUK AMAR STEPHEN YONG

Mahathir perjelas keistimewaan Raja

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan Perlembagaan tidak bermaksud bahawa perbuatan jenayah boleh ditafsir sebagai keistimewaan bagi Raja-Raja yang memerintah.

Menurut Perdana Menteri, walaupun Raja tidak boleh dibicara dalam mahkamah, ini tidak bermakna bahawa Raja bebas melakukan jenayah atau menyeksa sesiapa, merampas harta atau mungkir membayar hutang.

"Maksud peruntukan Perkara 181 (2) Perlembagaan — Tiada apa-apa perbicaraan boleh dibawa dalam mana-mana mahkamah terhadap Raja bagi sesuatu negeri atas sifat dirinya sendiri — ialah Raja tidak boleh dibicara dalam mahkamah saja.

"Ini tidak bermakna perbuatan yang dianggap salah bagi rakyat biasa tidak salah bagi Raja," katanya ketika membentangkan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 1984.

Datuk Seri Dr Mahathir menyatakan demikian ketika mengulas surat yang dihantar oleh Ahli Parlimen DAP dari Jelutong, Encik Karpal Singh, kepada beliau tidak lama dulu untuk bertanya berkenaan dengan hak rakyat berhubung tindakan Raja.

Perdana Menteri menjelaskan, seperti yang kita semua tahu, semua rakyat dalam negara ini diberi perlindungan undang-undang yang ditadbir oleh mahkamah.

"Dari segi tugas dalam pemerintahan, adalah jelas bahawa Raja bertindak tertakluk kepada undang-undang utama negara, iaitu Perlembagaan.

"Tetapi, dalam tindakan atas sifat dirinya sendiri, Raja tidak boleh didakwa di mahkamah biasa."

Larangan

Oleh itu, beliau menegaskan, rakyat tidak harus khuatir kerana jenayah tidak boleh dilakukan oleh Raja yang memerintah, walaupun baginda bebas dari tindakan di bawah undang-undang yang ditadbir oleh mahkamah biasa.

Beliau juga menyatakan bahawa dengan pindaan kepada Perkara 66 Perlembagaan, teguran Yang di-Pertuan Agong akan dibahas dalam Parlimen — suatu perkara yang tidak pernah dilakukan oleh Parlimen.

"Walaupun tidak ada larangan terus mengenai teguran secara tertentu terhadap Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja, tetapi mengikut adat dan tradisi, ahli-ahli Parlimen dan Dewan Negeri tidak pernah membabitkan Yang di-Pertuan Agong dan Raja dalam perbahasan atau ucapan-ucapan lain.

"Berkaitan dengan ini, izinkan saya sebut peruntukan dalam Akta Hasutan 1948 yang ada hubungan. Perkara 3 (1) berbunyi:

"Sesuatu 'kecenderungan menghasut' ialah kecenderung (A) bagi mendatangkan benci atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak suka terhadap mana-mana Raja atau kerajaan.

"Tetapi, akta yang sama juga membuat pengecualian di dalam Perkara 3 (2) seperti berikut:

"Walau apapun peruntukan Seksyen Kecil (1) apa-apa perbuatan, ucapan.... Tidak boleh disifatkan sebagai menghasut semata-mata oleh sebab ia mempunyai kecenderungan:

"(A) Bagi menunjukkan bahawa seseorang Raja telah dikelirukan atau tersilap dalam mana-mana langkah tindakan yang diambil olehnya.

"(B) Bagi menunjukkan kesilapan-kesilapan atau kecacatan-kecacatan dalam mana-mana kerajaan atau Perlembagaan.... Dengan tujuan hendak membetulkan kesilapan-kesilapan atau kecacatan-kecacatan itu.

"(C) Bagi memujuk rakyat mana-mana Raja atau penduduk mana-mana wilayah... Supaya cuba mendapatkan dibuah, dengan cara yang sah, apa-apa perkara dalam wilayah kerajaan itu yang tertubuh menurut undang-undang.

"Apa yang jelas dari peruntukan dalam Akta Hasutan ialah teguran boleh dibuat terhadap Raja dan kerajaan dengan cara yang sah dari segi undang-undang dan apa-apa teguran yang dibuat oleh Raja juga sah bagi kerajaan dan sebaliknya."

Menurutnya, oleh kerana teguran adalah perkara biasa dalam perbahasan, dalam membahaskan kenyataan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong di waktu merujuk balik undang-undang yang telah diluluskan oleh dewan, teguran tentulah terpaksa dibuat oleh ahli-ahli Parlimen.

"Sungguhpun ini adalah pemisahan dari adat dan tradisi, tetapi ia dibenar oleh Akta Hasutan seperti mana diperuntukkan dalam pengecualian yang saya sebutkan," jelasnya.

Namun demikian, Perdana Menteri mengingatkan ahli-ahli dewan supaya berhati-hati bila membuat teguran yang membabitkan Raja-Raja atau kerajaan kerana Akta Hasutan masih berkuatkuasa.

"Oleh kerana Raja-Raja tidak mengambil bahagian dalam perbahasan, maka kerajaan bertanggungjawab untuk menangkis semua teguran dan jika perlu, akan mengambil tindakan undang-undang di bawah akta itu."

MCA yakin pindaan dapat kukuhkan pentadbiran

PEMANGKU Presiden MCA, Datuk Dr Neo Yee Pan, menegaskan asas sokongan partinya terhadap Rang Undang-Undang Pindaan Perlembagaan adalah kepercayaan tegas MCA bahawa pindaan itu akan memperkukuhkan pentadbiran dengan tidak menjejaskan kedudukan Raja-Raja.

"Kami yakin dan percaya bahawa dengan memperkuatkan sistem pentadbiran licin yang wujud ketika ini, kita akan dapat menyediakan satu asas yang kukuh supaya negara kita dapat terus mencapai kejayaan yang lebih memeriangkan dalam usaha-usaha pembangunan."

Beap membahaskan rang undang-undang itu, beliau yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkata, bila timbulnya pandangan dan tafsiran yang berlainan terhadap tujuan pindaan Perlembagaan, MCA memberi sokongan penuh kepada Perdana Menteri untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya supaya perkara itu dapat diselesaikan demi kepentingan negara.

"Kita sentiasa mempunyai keyakinan bahawa perkara ini akan dapat diselesaikan kerana dalam cara ke-Malaysiaan, kita rela mengenepikan kepentingan-kepentingan yang lain demi mencintai negara kita.

"Ini telah dibuktikan sebagai benar sekarang.

"Malaysia telah menunjukkan sekali lagi bahawa kita mempunyai cara ke-Malaysiaan dalam usaha mencari penyelesaian terhadap isu-isu ke-Malaysiaan ala Malaysia."

Datuk Dr Neo berkata, cara damai perkara itu diselesaikan adalah satu tanda baik bagi rakyat semua kaum.

"Kita telah muncul dari detik sejarah ini dengan keazaman dan keyakinan yang lebih dalam melindungi dan memperkukuh sistem demokrasi berparlimen berasaskan kepada Raja Perlembagaan.

"Sistem ini adalah asas negara kita, seperti yang dikandung oleh pengasas negara kita, dan Raja berperlembagaan adalah mercu tanda asas itu.

Sementara itu, Parti Gerakan mengalu-alukan pindaan Perlembagaan kerana ia adalah selaras dengan kepercayaannya terhadap sistem demokrasi berparlimen.

Timbalan presidennya, Datuk Paul Leong, berkata kerana hakikat bahawa ahli ahli Parlimen dipilih oleh rakyat, rang undang-undang dan usul-usul yang diluluskan oleh Parlimen boleh dianggap sebagai membayangkan kehendak dan hasrat rakyat.

SIDANG KHAS DEWAN RAKYAT

Sokongan rakyat akan dibukti dalam pilihanraya

AHLI Parlimen Jasin, Encik Ghafar Baba, menegaskan sokongan rakyat terhadap pindaan Perlembagaan akan dibuktikan dalam pilihanraya akan datang.

Membahaskan Rang Undang-Undang Perlembagaan Negara (Pindaan), beliau berkata rakyat dapat menilai apa yang dijalankan oleh kerajaan dan menyokong apa yang baik untuk mereka.

"Tetapi, DAP dan Pas hanya menggunakan isu itu untuk mengelirukan rakyat."

Encik Ghafar membidas ketua pembangkang, Encik Lim Kit Siang, yang menyatakan bahawa sambutan rakyat kepada Perdana Menteri untuk menjelaskan kepada rakyat mengenai itu sebagai "bodoh".

"Orang yang membodohkan orang lain itulah sebenarnya bodoh."

Mengenai sambutan 40,000 rakyat kepada Perdana Menteri di Wilayah Persekutuan, Encik Ghafar berkata sekurang-kurangnya ramai juga rakyat ingin bersalaman dengan Perdana Menteri. Tetapi, bagi Encik Lim, tidak ada seorang pun penjaja yang ingin bersalam dengannya ketika di Sarawak.

"Sekiranya DAP mengang dalam pilihanraya nanti boleh pindaan Perlembagaan itu dipinda semula. Tetapi, seribu tahun lagi pun mereka tidak akan berjaya.

"DAP tidak akan dapat memerintah negara ini kerana parti itu tidak mendapat sokongan orang Melayu dan Bumiputera. Tetapi, sebaliknya parti itu adalah sebuah parti yang boleh membawa kehancuran kerana ia menyemaikan semangat memecah-belahkan rakyat, menanam perasaan benci-membenci antara satu kaum dengan yang lain.

"Sokongan yang diberikan oleh orang-orang kaum kepada DAP adalah siasia dan tidak berfaedah.

Menurut Encik Ghafar, hanya parti yang didokong oleh semua bangsa seperti Barisan Nasional yang wajar untuk memerintah negara ini.

"Di bawah pemerintahan Barisan Nasional, setiap rakyat menikmati masa depan mereka adalah cerah, penuh harapan dan mereka sedia bersatu untuk Malaysia yang lebih gemilang bagi semua kaum."

Soal kedaulatan Bahasa Kebangsaan, Dasar Ekonomi Baru, kebudayaan kebangsaan, dasar pelajaran akan berkekalan kerana hanya dasar itu yang boleh melahirkan satu bangsa Malaysia yang bersatu padu.

Membidas Pas, Encik Ghafar menyebut mengenai 40 negara Islam di dunia ini yang setiap satu mempunyai perlembagaan berlainan corak.

"Setengahnya masih mengekalkan pemerintahan beraja sama ada raja berperlembagaan atau raja yang berkuasa penuh, manakala setengahnya adalah republik. Ini menunjukkan sama ada pemerintahan beraja atau pemerintahan republik tidak berganggah dengan Islam.

Dua lagi anggota BN nyatakan sokongan

PRESIDEN Parti Pesaka Bumiputera Sarawak (PBB), Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud, menasihatkan penyelesaian masalah pindaan Perlembagaan Negara melambangkan semangat persefahaman dan tolak-ansur antara kerajaan dan Raja-Raja.

Beliau berkata, dengan penyelesaian itu, tidak timbul lagi masalah tafsiran.

"Ia juga akan dapat menentukan bentuk sistem demokrasi dan institusi Raja Berperlembagaan di negara ini.

"Penyelesaian itu juga akan dapat mencerahkan masa depan negara."

Presiden Sementara Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), Datuk Leo Moggie, pula berkata sikap bertolak-ansur dan saling mengerti yang diamalkan oleh rakyat dan Raja-Raja adalah punca penyelesaian terhadap isu pindaan Perlembagaan.

SAMY VELLU TURUT SOKONG

PRESIDEN MIC, Datuk S. Samy Vellu, berkata segala pindaan Perlembagaan bertujuan melicinkan jentera pentadbiran.

Berucap menyokong pembentangan Rang Undang-Undang Perlembagaan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau berkata pindaan itu dengan jelasnya menerangkan peranan setiap kuasa yang termaktub dalam proses menggubal dan melaksanakan undang-undang.

"Pindaan-pindaan ini bukanlah dibuat sewenang-wenangnya, tetapi setelah mengambil-kira pelbagai faktor dan tujuannya adalah untuk kepentingan negara.

"Negara kita mengamalkan sistem pemerintahan beraja mengikut Perlembagaan.

"Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja adalah tumpuan kesetiaan dan kemuncak dalam sistem pemerintahan negara ini," katanya.

Menurut Datuk Samy Vellu, Raja-Raja mempunyai kedudukan yang tinggi dan istimewa.